

14/05/1999

Pemimpin Sabah digesa penuhi kehendak rakyat

KOTA KINABALU, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya Sabah baru-baru ini, membolehkan kerajaan mentadbir negeri secara berkesan dan membawa pembangunan lebih pesat untuk rakyat dan negeri ini.

Sambil berterima kasih dan bersyukur kerana rakyat terus memberi sokongan padu kepada BN, Perdana Menteri berkata hanya kerajaan yang kuat dan berwibawa mampu membawa Sabah maju setanding negeri lain.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan pemimpin BN di Sabah menggembleng usaha ke arah memenuhi kehendak rakyat yang memberi mandat besar ketika pilihan raya negeri lalu.

"Sekarang tugas kita ialah mengisi perjuangan yang diperolehi ketika pilihan raya negeri baru-baru ini," katanya pada majlis kesyukuran kemenangan BN dalam pilihan raya Sabah 12-13 Mac lalu, di Stadium Likas, di sini malam ini.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri merangkap Pengerusi BN Sabah, Datuk Osu Sukam; serta pemimpin parti komponen BN negeri.

Dr Mahathir yang kini dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke Sabah mengingatkan pihak tertentu di Sabah jangan terlalu taksud dengan sentimen kesukuan sehingga melupakan soal perpaduan kerana ia boleh menjejaskan proses pembangunan negara.

"Kalau kita terlalu taksud, mengutamakan suku kaum kita saja, maka nescaya pihak lain juga mempunyai perasaan lain terhadap kita. Dengan itu, perpaduan tidak tercapai, maka sukar membangunkan negara," katanya.

Sambil berharap rakyat terus memberi sokongan padu kepada BN demi perpaduan dan kestabilan politik, Dr Mahathir berkata prinsip perjuangan BN mengutamakan kesamarataan kepada semua.

Menurutnya, sebagai gagasan menggabungkan parti mewakili pelbagai kaum, BN akan mengagih segala kekayaan negeri secara saksama dan adil kepada semua kaum.

Menurutnya, perpaduan yang mahu dipupuk bukan saja di kalangan sesama rakyat, tetapi juga di antara rakyat dengan kerajaan dan sebaliknya.

(END)